

Peranan Sheikh Nik Mat Kecil Patani dalam Intelektualisme di Alam Melayu: Telaah Terhadap Kitab *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*

BITARA

Volume 7, Issue 4, 2024: 278-287
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 23 October 2024
Accepted: 22 November 2024
Published: 9 December 2024

[The Role of Sheikh Nik Mat Kecil Patani in Intellectualism in the Malay World: A Study of the Book of *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*]

Nurul Aimi Anis binti Mohd Nasir & Farid Mat Zain^{1*}

1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: nurulaimianis@gmail.com; farid@ukm.edu.my

*Corresponding Author: farid@ukm.edu.my

Abstrak

Sheikh Nik Mat Kecil Patani (1260H/1844M) merupakan seorang ulama besar yang masyhur bukan sahaja di Patani malah juga di Alam Melayu. Menurut Zurita (2022) Sheikh Nik Mat Kecil mengajar keilmuan Islam melalui penulisan kitab jawi yang menjadi rujukan umat Islam. Kitab beliau iaitu *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain* menjadi kitab fiqh yang paling banyak dirujuk oleh masyarakat sehingga ke hari ini (Amir 2016). Kenyataan ini menunjukkan bahawa Sheikh Nik Mat bukan calang-calang ulama malah beliau dilihat berperanan penting dalam pembangunan intelektualisme orang Melayu. Makalah ini berusaha menganalisis latar belakang Sheikh Nik Mat Kecil Patani sebagai seorang tokoh ulama terkenal tersebut, di samping itu, makalah ini juga meneliti sumbangan beliau dalam bidang intelektualisme Muslim melalui kitab terkenal beliau iaitu, *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif bertunjangkan kepada kajian sejarah dan kajian analisis kandungan. Maklumat dan data bagi kajian ini dikumpulkan melalui kaedah analisis tekstual. Kaedah yang dipilih adalah untuk menjelaskan kajian dengan lebih baik melalui interpretasi sendiri terhadap sesuatu data daripada sumber yang dirujuk. Analisis data dibuat dengan menggunakan kaedah deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa Sheikh Nik Mat Kecil Patani berjaya menjadikan keilmuan Islam sebagai sumber intelektual yang bersifat relevan khususnya melalui penulisan kitab *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*. Meskipun kajian mengenai beliau telah banyak dilakukan oleh sarjana, namun peranan beliau dalam bidang intelektualisme masih kurang dilakukan.

Kata kunci: ulama, intelektualisme, Alam Melayu, *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*

Abstract

Sheikh Nik Mat Kecil Patani (1260H/1844AD) is a great scholar who is famous not only in Patani but also in the Malay world. According to Zurita (2022), Sheikh Nik Mat Kecil taught Islamic knowledge through the writing of the "Jawi book" which became a reference for Muslims. His book, *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*, is the fiqh book most referred to the community today (Amir 2016). This statement shows that Sheikh Nik Mat is not a mere scholar, in fact he is seen as playing an important role in the development of Malay intellectualism. This paper tries to analyze the

background of Sheikh Nik Mat Kecik Patani as a famous scholar, in addition, this paper also examines his contribution in the field of Muslim intellectualism through his famous book, *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*. This study uses a qualitative design supported by historical research and content analysis research. Information and data for this study were collected through the method of textual analysis. The chosen method is to better explain the study through own interpretation of some data from the referenced source. Data analysis was done using a descriptive method. The results of the study found that Sheikh Nik Mat Kecik Patani succeeded in making Islamic knowledge a relevant intellectual resource, especially through the writing of the book *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*. Although a lot of research on him has been done by scholars, his role in the field of intellectualism is still not done.

Keywords: scholars, intellectualism, Malay Nature, *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*.

Cite This Article:

Nurul Aimi Anis binti Mohd Nasir & Farid Mat Zain. (2024). Peranan Sheikh Nik Mat Kecik Patani dalam Intelektualisme di Alam Melayu: Telaah Terhadap Kitab *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain* [The Role of Sheikh Nik Mat Kecik Patani in Intellectualism in the Malay World: A Study of the Book of *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 278-287.

Pengenalan

Dunia intelektual Islam di Alam Melayu semakin berkembang sejak abad ke 18M. Ramai ulama daripada Tanah Melayu, Patani dan Tanah Jawa menjalankan usaha untuk mendidik masyarakat masing-masing. Ada juga dalam kalangan mereka yang melanjutkan pelajaran mereka ke Timur Tengah khususnya di Kota Suci Makkah kemudian memberi khidmat dan sumbangan kepada tanah air melalui penulisan kitab yang dihasilkan. Ini termasuklah Sheikh Nik Mat Kecik Patani yang menjadi salah seorang ulama Melayu yang terkenal di kota Makkah. Beliau menghasilkan kitab dalam tulisan jawi atau dikenali juga dengan “kitab kuning” yang kini masih lagi menjadi rujukan umat Islam. Antara kitab beliau ialah *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*. Kajian tentang Sheikh Nik Mat Kecik Patani mengenai latar belakang beliau telah banyak diterokai oleh penyelidik, antaranya Zurita (2022) dan Ahmad Fathy (2002). Selain itu, terdapat juga kajian mengenai sumbangan Sheikh Nik Mat Patani dalam bidang intelektual oleh pengkaji seperti Adli et al. (2021), Abdul Ramae (2017), Amir et al. (2016) Abdul Basir (2016) Miss Suraiya (2020) dan Muhammad Mahmud (2016). Banyak maklumat mengenai usaha beliau dalam bidang intelektual khususnya dalam penulisan kitab jawi. Justeru, kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti biografi dan ketokohan Sheikh Nik Mat Kecik Patani dalam bidang intelektual melalui salah satu daripada karya beliau iaitu kitab *Matla' al-Badrain* yang merupakan antara kitab terkenal.

Latar Belakang Sheikh Nik Mat Kecik Patani

Sheikh Nik Mat Kecik Patani atau nama sebenarnya Wan Muhammad bin Wan Ismail telah dilahirkan di Kampung Duyung Kecil, Kuala Terengganu pada tahun 1260H/1844M iaitu selepas bapa dan ibunya berhijrah dari Patani ke Terengganu (Ahmad Fathy. 2002). Bapanya yang bernama Wan Ismail bin Ahmad bin Wan Idris merupakan seorang tokoh ulama yang

terkenal dengan gelaran Sheikh Ismail Janggut Merah, manakala ibunya yang bernama Tuk Wan Zainab binti Sheikh Idris merupakan anak saudara kepada Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani. Beliau merupakan anak tunggal kepada pasangan ini, dan memiliki empat orang adik beradik iaitu Wan Hitam, Wan Aisyah, Wan Maryam dan Wan Isa daripada ibunya yang lain. Berdasarkan latar belakang kedua ibubapanya, dapat dilihat bahawa Sheikh Nik Mat Kecil berasal usul daripada keluarga yang cinta kepada bidang keilmuan Islam. Hal ini juga jelas dilihat apabila keluarga Sheikh Nik Mat Kecil mengizinkan datuk saudaranya iaitu Sheikh Daud al-Fatani, seorang ulama yang terkenal untuk mengambil beliau sebagai cucu angkat dan dibawa bersamanya ke Makkah al-Mukarramah sejak beliau masih bayi lagi. Namun, sebelum genap usianya menjelang 2 tahun, Sheikh Daud al-Fatani telah pulang ke rahmatullah pada tahun 1847M dan tanggungjawab untuk membesarkan serta mendidik Sheikh Nik Mat Kecil diambil alih oleh saudara Sheikh Daud iaitu Sheikh Abdul Kadir bin Abdullah al-Fatani. Walaupun Sheikh Nik Mat Kecil tidak sempat bermanja dengan arwah datuknya, beliau amat sayang kepada datuknya itu. Hal ini jelas apabila beliau menggunakan nama pena bagi kitab karangannya dengan nama 'Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani.

Dunia pendidikan Sheikh Nik Mat Kecil bermula di bawah bimbingan Sheikh Abdul Qadir al-Fatani di kota Makkah. Beliau telah didedahkan dengan pelbagai bidang ilmu melalui kitab fiqh, usul fiqh, tafsir, hadith dan bahasa Arab daripada ulama Makkah yang terkenal seperti Sheikh Hasbullah, Sheikh Abdul Kadir bin Abdul Rahman al-Fatani, Sheikh Nik Dir Patani (1829-1998) dan juga seorang ulama besar lain. Semenjak kecil lagi, Sheikh Nik Mat Kecil sudah dilatih untuk menghafal matan (Abdullah, 1992: Zurita, 2022). Kepandaian beliau dalam ilmu agama terserlah sehingga beliau mampu mengajar, mengarang dan menterjemah beberapa buah kitab agama yang ada pada masa itu. Beliau turut dilantik sebagai Hakim Mahkamah Syarie Makkah al-Mukarramah pada zamannya dan menjadi satu-satunya tokoh Melayu memegang jawatan tertinggi itu pada zamannya (Muhammad Yusri et al. 2009).

Sheikh Nik Mat Kecil Patani telah menghasilkan banyak penulisan yang mencakupi bidang sejarah, sains perubatan, kosmologi Islam, usuluddin dan fiqh. Antara kitab yang dicetak hasil karangan beliau ialah; *al-Bahjah al-Madhiah fi-Fawa'id al-Ukhrawiah*, *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*, *al-Kawkab al-Durri fi al-Nur al-Muhammadi*, *al-Durr al-Basim fi Ashab al-Kahfi wa al-Raqim*, *al-Firqadaini wa Jawahir al-'Uqdaini*, *Wisayah al-Afragh wa Isbah al-Falah*, *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, *Sawati' al-Barq* dan *al-Dur al-Masnun wa al-Jawahir al-Maknun*.

Sepanjang hidupnya beliau telah mendidik ramai pelajar dari Alam Melayu yang datang menuntut ilmu di Kota Makkah. Ada juga dari kalangan mereka menjadi anak angkat kepada beliau. Antara anak murid beliau yang terkenal ialah; (1) Haji Awang "Kecik" @ Haji Abdul Rahman bin Haji Saman, Kelantan (2) Haji Pak Chik Musa bin Abdul Rahman, Kota Bharu (3) Haji Omar bin Ismail, Sungai Keladi, Kota Bharu (4), Tok Kenali @ Haji Muhamad Yusuf bin Ahmad, Kota Bharu (5) Tok Kemuning @ Haji Ismail bin Haji Abdul Hamid, Machang (6) Tok Jerulong @ Haji Muhamad Said bin Muhamad, Salur, Kota Bharu, dan (7) Sultan Zainal Abidin III ibn Sultan Ahmad II Terengganu.

Pada sekitar tahun 1327/1328, Sheikh Nik Mat Kecil Patani sempat pulang ke Tanah Air untuk menziarahi ahli keluarganya. Beliau juga sempat ke Jambu, Patani dan ke Bangkok sebelum pulang semula ke tanah suci Makkah. Beliau telah meninggal dunia pada hari Sabtu

20 Rabiulakhir 1333H bersamaan 6 Mac 1915 dan dikebumikan di Ma'la berdekatan makam Siti Khadijah R.A.

Pengenalan Kitab *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*

Kitab *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain* ataupun singkatannya *Matla' al-Badrain*, merupakan salah satu daripada kitab tulisan jawi klasik berdialek Patani yang dikarang oleh Sheikh Nik Mat Kecik Patani. Walaupun Sheikh Nik Mat Kecik Patani banyak menulis kitab dalam pelbagai bidang, namun kitab ini merupakan kitab yang paling terlaris dan terkenal berbanding karyanya yang lain. Kitab ini selesai dikarang oleh beliau pada 12 Syaaban 1303H bersamaan 16 Mei 1886. Kitab ini telah dicetak dan diterbitkan beberapa kali di pelbagai negara dan disunting oleh beberapa orang. Kitab ini juga dikategorikan sebagai karya yang menghimpunkan perbincangan tiga ilmu asas agama iaitu ilmu usuluddin, fiqh dan tasawuf (Muhammad Shahiran 2022)

Dikhabarkan cetakan pertama dan kedua bagi kitab ini tidak disunting, maka terdapat kesalahan susunan kalimat bagi pencetakan yang dilakukan oleh pihak pencetak (Habib Ahmad. 2009). Cetakan ketiga telah ditashihkan oleh Sheikh Ahmad al-Fatani (0000-000) di Makkah dan selesai cetakannya pada 13 Rejab 1315 bersamaan 24 Disember 1897 setebal 232 halaman. Selepas itu, kitab ini juga diterbitkan oleh Maktabat al-Imam li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' di Kaherah Mesir tanpa catatan tarikh. Versi kitab ini telah ditashih oleh Ilyas Ya'qub al-Azhari. Kemudiannya, pada 13 Oktober 1984, cetakan baru dilakukan oleh Nahdi Trading Pulau Pinang menjadi 231 halaman.

Kitab fiqh ini mengandungi 52 cabang perbincangan;

1. *Kitab ahkam al-taharah*
2. *Kitab al-salah*
3. *Kitab salat al-nafl*
4. *Kitab salat al-Jumu'ah*
5. *Kitab salat al-'idayn wa ma yata'allaq biha*
6. *Kitab salat al-kusuf*
7. *Kitab salat al-istisqa'*
8. *Kitab salat al-khawf*
9. *Kitab al-jana'iz.*
10. *Kitab al-zakah (Bab zakat al-na'am, Bab zakat al-athman, Bab zakat al-zuru' wa al-thimar, Bab zakat 'urud al-tijarah wa al-ma'dan dan wa al-rikaz, Bab zakat al-fitr, Bab fi mustahiqqi al-sadaqah).*
11. *Kitab al-siyam (Bab sawm al-tatawwu')*
12. *Kitab al-'iqtikaf*
13. *Kitab al-hajj wa al-'umrah*
14. *Kitab ma haruma bi al-ihram*
15. *Kitab al-sayd wa al-dhabi'ih*
16. *Kitab al-at'imah*
17. *Kitab al-bay' (Bab al-riba, Bab al-khiyar, Bab al-mabi' qabla qabdihi, Bab al-tawliyah*

wa al-ishrak wa al-murabahah wa al-muhalah, Bab bay' al-usul wa al-thimar, Bab ikhtilaf al-mutabayi ayn, Bab fi muamalat al-raqiq).

18. *Kitab al-salam.*
19. *Kitab al-rahn.*
20. *Kitab al-sharikah.*
21. *Kitab al-wakalah.*
22. *Kitab al-'ariyah.*
23. *Kitab al-qara' id.*
24. *Kitab al-ijarah.*
25. *Kitab ihya' al-mawat.*
26. *Kitab al-hibah.*
27. *Kitab al-luqatah.*
28. *Kitab al-laqit.*
29. *Kitab al-fara' id.*
30. *Kitab al-wusiyyah.*
31. *Kitab al-nikah (Bab ma yahrum min al-nikah, Bab al-khiyar fi al-nikah wa al-i faf wa nikah al-raqiq wa ma yudhkar ma'aha).*
32. *Kitab al-sadaq.*
33. *Kitab al-qasm wa al-nushuz.*
34. *Kitab al-khul.*
35. *Kitab al-talaq*
36. *Kitab al-rajah.*
37. *Kitab al-ila'*
38. *Kitab al-zihar*
39. *Kitab al-qadhaf wa al-li an*
40. *Kitab ahkam al-'iddah*
41. *Kitab al-rada'*
42. *Kitab al-nafaqat.*
43. *Kitab al-jinayat.*
44. *Kitab al-hudud.*
45. *Kitab al-siyal wa ma tutlifuh al-baha'im.*
46. *Kitab al-riddah.*
47. *Kitab al-bughah.*
48. *Kitab ahkam al-jihad.*
49. *Kitab al-sibaq wa al-ramy.*
50. *Kitab al-ayman wa al-nudhur.*
51. *Kitab ahkam al-'aqdiyah wa al-shahadat.*
52. *Kitab ahkam al-'itq.*

Kitab ini juga telah dirumikan dan diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jabatan Perdana Menteri) pada tahun 1413H/1993M. Kitab yang dirumikan ini juga telah disusun semula dan menggunakan bahasa yang moden dan mudah difahami oleh masyarakat. Contoh terbitan rumi lain adalah dari penerbitan Perniagaan Jahabersa pada tahun

2006. Tajuk-tajuk kitab juga diasingkan dengan perenggan-perenggan dan fasal-fasal yang bernombor serta tajuk-tajuk ringkas untuk kemudahan rujukan.

Kitab *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain* dalam Intelektualisme di Alam Melayu

Kitab *Matla' al-Badrain* banyak dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian agama khususnya di Alam Melayu dan dijadikan panduan dalam mendalami ilmu fiqh. Pengajian kitab jawi ini bukan sahaja terhad bagi pelajar-pelajar pondok yang sering diketahui mempelajari kitab jawi klasik secara *bertalaqqi*. Namun, kitab ini juga banyak memberi pengaruh kepada pendidikan Islam di sekolah kerajaan. Di masjid dan surau juga tidak melepaskan peluang mereka untuk menjadikan kitab ini sebagai salah satu kitab pengajian.

Institusi Pendidikan

Di Alam Melayu pula, kitab *Matla' al-Badrain* ini juga telah menjadi antara kitab yang banyak diajar oleh ulama Melayu di pondok dan madrasah. Kitab ini juga turut dipelajari di pondok-pondok pesisir pantai Timur Sumatera, Kepulauan Riau dan Kalimantan (Amir et al. 2016). Pada sekitar abad ke-19, institusi pondok di Tanah Melayu telah menggunakan kaedah penstrukturan berperingkat bagi pelajar yang mengikuti pengajian di pondok. Terdapat tiga peringkat yang ditetapkan iaitu peringkat permulaan, peringkat pertengahan dan peringkat tertinggi dan setiap peringkat mempunyai tugas yang mestilah diikuti oleh setiap pelajar untuk lulus. Pada peringkat tertinggi, pelajar pondok mestilah mempelajari sesuatu ilmu dengan lebih mendalam dan terperinci melalui penumpuan kepada kitab-kitab berbahasa Arab dan bertulisan jawi (Muhammad Zulazizi 2021). Bagi mereka yang ingin menelusuri bidang ilmu fiqh bagi peringkat ini, kitab *Matla' al-Badrain* adalah antara kitab utama yang dipelajari oleh pelajar-pelajar pondok ini.

Di institusi pendidikan Brunei pula pengajian kitab seperti pondok di Tanah Melayu juga memanfaatkan kitab-kitab jawi dalam silibus mereka. Institusi pondok Brunei yang dikenali sebagai 'balai' memberi peluang kepada masyarakat untuk mempelajari kitab-kitab fiqh seperti kitab *Matla' al-Badrain* dan lain-lain untuk membolehkan pelajar pondok tersebut menjawat jawatan agama seperti Qadi (hakim), pegawai akad nikah dan guru pendidikan Islam (*Department of Islamic Studies*. 1996: Awang Haji et al. 2019). Pada pertengahan 1970-an, kitab *Matla' al-Badrain* telah ditulis semula kepada sebuah buku teks baharu oleh pegawai pendidikan agama supaya teks dalam kitab tersebut lebih difahami oleh pelajar sekolah agama di Brunei. Meskipun telah berlaku peredaran masa dan perubahan struktur pendidikan, kitab ini masih relevan digunakan untuk tujuan pembelajaran agama.

Sama seperti di Malaysia, kitab ini telah menjadi buku teks utama bagi sekolah-sekolah agama di negeri Johor. Disebabkan kitab ini banyak digunakan sebagai rujukan, maka kerajaan Johor telah membuat penyusunan sebuah kamus yang khusus mengenai kitab ini. Kamus itu diberi nama sebagai *Suluh Matla' al-Badrain* dan siap ditulis pada 1 Oktober 1941M oleh Haji Abdul Ghani Yahya yang merupakan antara anak murid Tok Kenali. Kamus tersebut dibuat

khusus untuk kitab *Matla' al-Badrain* dengan menterjemahkan kosa kata Arab ke dalam bahasa Melayu. Justeru itu, kamus tersebut dapat digunakan dan dipelajari oleh pelajar-pelajar tempatan dalam memahami kalimat-kalimat atau istilah-istilah yang terdapat dalam kitab *Matla' al-Badrain*. Kitab ini merupakan satu-satunya kitab jawi klasik yang mempunyai kamus khusus.

Selain itu, pengajian kitab *Matla' al-Badrain* di institusi pondok juga tidak terhad kepada pelajarnya sahaja tapi turut terbuka kepada masyarakat untuk *bertalaqqi* bersama. Sebagai contoh, Tuan Guru Haji Omar Ahmad (1878- 1941) yang merupakan salah satu ulama di Terengganu telah menyusun jadual pengajaran beliau kepada tiga sesi di pondoknya. Sesi pertama dan kedua, beliau fokus mengajar kitab kepada pelajar pondok, manakala pada sesi yang ketiga iaitu selepas solat isyak, beliau membuka sesi pengajaran kitab kepada orang ramai yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Beliau telah memilih kitab-kitab yang mudah difahami dengan tahap pemikiran masyarakat, antaranya ialah kitab *Matla' al-Badrain* dan kitab-kitab yang lain (Faizuri. 2006). Hal ini menunjukkan sifat kitab ini yang universal dan sesuai untuk setiap lapisan masyarakat untuk dipelajari.

Institusi Masjid & Surau

Oleh kerana penulisan kitab *Matla' al-Badrain* ini selesai di Makkah, di situlah bermulanya pengajian kitab ini berlaku khususnya di Masjid al-Haram. Masjid al-Haram sudah menjadi pusat utama penyebaran ilmu sejak zaman Rasulullah SAW. Kedatangan pelajar-pelajar dari Alam Melayu ke tanah suci pada era akhir abad ke-19 dan awal abad ke 20 telah meningkat dan ini telah menjadi *asbab* kepada ramainya ulama kelahiran Nusantara ini berpeluang untuk mendalami kitab-kitab jawi hasil karangan ulama' Melayu di Mekah seperti kitab *Matla' al-Badrain* (Mohammad Redzuan. 2001).

Di Kedah, semakin ramai guru takmir menggunakan kitab *Matla' al-Badrain* untuk mengajar di masjid dan surau kepada masyarakat tempatan. Namun bahasa dan tulisan yang agak sukar difahami. Hal ini telah diambil perhatian oleh Majlis Fatwa Negeri Kedah apabila kitab ini telah dihuraikan oleh Dato' Sheikh Zakaria bin Haji Ahmad Wan Besar (1952- 2011), mantan ahli jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Kedah Darul Aman. Beliau telah menghasilkan sebuah kitab bertajuk "*Matla' al-Nurain* -Untuk Menghuraikan '*Ibarat* Kitab *Matla' al-Badrain*" iaitu sebuah kitab yang menghuraikan '*ibarat* kitab *Matla' al-Badrain* dalam tulisan jawi. Tujuan penulisan kitab ini adalah untuk memperjelaskan '*ibarat* dan uslub yang sukar difahami di dalam kitab *Matla' al-Badrain* khusus bagi generasi masa kini.

Di Terengganu juga, kitab *Matla' al-Badrain* juga menjadi kitab rujukan utama bagi guru-guru agama di masjid dan surau. Namun, kefahaman dan kemampuan mereka yang berbeza dalam menyampaikan kandungan kitab secara lebih tepat dan lancar ini telah menjadi satu masalah. Oleh yang demikian, Yayasan Islam Terengganu (YIT) telah melantik enam orang ahli dari kalangan pensyarah bahasa Arab Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) untuk menterjemahkan kitab tersebut dengan menggunakan bahasa mudah dan moden, merangkumi aspek ibadat, munakahat, jual beli dan muamalat. Maka terhasil kitab panduan untuk para guru agama di masjid dan surau bagi mengajar dan memberi kefahaman yang lebih jelas kepada masyarakat di Terengganu (Aida. 2011).

Selain digunakan sebagai bahan pengajaran di pondok, sekolah agama, masjid dan surau, kitab *Matla' al-Badrain* juga menjadi sumber bagi membentuk fatwa dan undang-undang syariah di Malaysia. Pada 2003, Jabatan Agama Islam Selangor telah menyarankan dalam pembinaan fatwa mestilah merujuk kepada kitab-kitab turath Jawi beraliran Syafie dalam bidang fiqh, antaranya ialah kitab *Matla' al-Badrain* (Syed Salim. 2018) Sebagai contoh, di Jabatan Agama Islam Selangor menetapkan Hakim atau Pemerintah yang dilantik menjadi wali nikah boleh menetapkan sesuatu jumlah mahar untuk pasangan lelaki dan wanita yang ingin menikah sekiranya berlaku perkara-perkara tertentu. Hukum ini dirujuk daripada kita *Matla' al-Badrain* (Muhammad Izwan. 2012). Kitab ini turut menjadi rujukan dalam menetapkan fatwa dalam bab puasa (Arman. 2013)

Kesimpulan

Dalam bidang intelektual, kitab *Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain* ini telah dikomersialkan dan masih diguna pakai sehingga ke hari ini sebagai salah satu rujukan kitab fiqh. Penggunaan kitab ini bukan sahaja dimanfaatkan sebagai kitab rujukan institusi pondok, malah dijadikan silibus bagi sekolah-sekolah agama. Pengajian kitab ini juga tidak terhad kepada golongan di institusi pendidikan sahaja, jemaah masjid dan surau juga berpeluang untuk *bertalaqqi* dengan kitab ini bersama guru-guru yang mahir. Keterlibatan pihak kerajaan dalam menghuraikan dan membedah kitab ini menunjukkan kepentingannya sebagai sebuah kitab rujukan utama dalam masyarakat di Malaysia. Keprihatinan masyarakat juga memainkan peranan dalam mengekalkan isi kandungan serta maklumat yang diajar menggunakan kitab ini agar keasliannya dapat dikekalkan dan disampaikan dengan baik kepada setiap lapisan masyarakat.

Rujukan

- Abdul Basir Mohamad. 2016. Pengaruh Kitab *Fath al-Wahhab* kepada Penulisan *Kitab Matla' al-Badrain* dalam Tajuk *Ma Tutlifuh al-Baha'im*. Dlm. Farid Mat Zain, Ezad Azraai Jamsari, hakim Zainal, Zamri Arifin & Anwar Fakhri Omar (pnyt). *Ulama Patani Ketokohan dan Keilmuan*, hlm.152-162. Malaysia: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Abdul Ramae Sulong. 2017. Pengaruh Karya Ulama Patani Terhadap Pendidikan Di Alam Melayu, *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia, Narathiwat, Thailand*, hlm 1- 10
- Adli Yaacob, Solehah Yaacob, Hakimah Yaacob & Bahruddin Yaacob. 2021. Sheikh Ahmad Bin Muhammad Zain bin Mustafa Al Fatani: Peranan Dalam Bidang Politik Dan Pendidikan Di Alam Melayu Abad Ke 20. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (26), hlm 168-192.
- Ahmad Fathy al-Fatani. 2002. *Ulama Besar dari Patani*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Amir Husin Mohd. Nor, Mohd Nasran Mohamad, Siti Zalikhah Mohd. Nor & Zaini Nasohah. Sumbangan Ulama Patani dalam Perkembangan Ilmu Fiqh. Dlm. Farid Mat Zain, Ezad Azraai Jamsari, hakim Zainal, Zamri Arifin & Anwar Fakhri Omar (pnyt). *Ulama*

- Patani Ketokohan dan Keilmuan*, hlm.111-120. Malaysia: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Arman bin Yusop. 2013. Analisis Karya-Karya Fiqh Ibadat Di Malaysia Dari Tahun 1998 Sehingga 2008. Disertasi. Jabatan Fiqh dan Usul Bahagiab Pengajian Syariah Akademi Penajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur
- Awg Haji Asbol Mail, Ampuan Brahim Ampuan Tengah & Tassim Abu Bakar. 2019. History and Development of Islamic Education in Brunei Darussalam, 1900–1983: from Home Instruction to the Religious Primary School. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. 5-(2)1082-1101.
- Faizuri Abd. Latif. 2006. Sumbangan Tuan Guru Haji Omar Ahmad dalam Bidang Keilmuan di Terengganu. *Jurnal Usuluddin* 23. 217-238.
- Miss Suraiya Sangoh. 2020. Selatan Ulama' Patani (Selatan Thailand). Tesis Sarjana, Program Studi Pendidikan Agama Islam, Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Intitut Agama Islam Negeri Padangsidimpuan
- Mohammad Redzuan Othman. 2001. Masjid Al-Haram Dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan Dan Intelektualisme Masyarakat Melayu. *Jurnal Usuluddin* 13,65–80.
- Muhammad Izwan Shuib. 2012. Penetapan Harga Mahar (MasKawin) Oleh Pemerintah Kerajaan Negeri Selangor, Malaysia. Ditinjau Menurut Hukum Islam. Tesis Sarjana, Fakultas Syariah Dan Ilmu Hukum, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau
- Muhammad Mahmud. 2016. Ulama Patani, Pondok dan Kitab Jawi. Dlm. Farid Mat Zain, Ezad Azraai Jamsari, Hakim Zainal, Zamri Arifin & Anwar Fakhri Omar (pnyt). *Ulama Patani Ketokohan dan Keilmuan*, hlm.34-44. Malaysia: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, Mohd Zahirwan Halim bin Zainal Abidin, Hamdi Rahman Mohd Yaacob, Paiz Hassan, Saidi Adnan Md Nor. 2009. Pemikiran Ekonomi Sheikh Muhammad Ismail Daud al-Patani dalam Kitab *Matla' Al-Badrain wa Majma' al-Bahrain*. *Simposium Sejarah dan Warisan Islam* 2009, hlm.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi. 2021. Senario Penstrukturan Pengajian Islam di Malaysia. *Jurnal Sains Sosial*. 6(1): 57-66
- Syed Salim bin Syed Shamsuddin. 2018. Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia. *Sains Insani* 3.0(1): 27-37
- Wan Mohd Shaghir Abdullah, Ahmad Muhammad Zain al Fatani.1992. *Al-Allamah Sheikh Ahmad Al Fathani Ahli Fikir Islam dan Dunia Melayu: Guru Kepada Hampir Semua Ulama dan Tokoh Asia Tenggara Abad ke 19-20*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Zurita Mohd Yusoff. Sheikh Nik Mat Kecik Patani: The Great Malay Writer of Religious Books in The 19th Century. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(12): 1661 – 1666.
- Shahrul Yusof. 2017. Pelancaran Kitab Matla' al-Badrain. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/media-menu/tinta-mufti/2247-pelancaran-kitab-matla-al->

badrain [9 November 2023]

Aida Abd. Rahman. 2011. Pengajaran agama lebih jelas guna Kitab Matla' al-Badrain. Teganukita. <https://teganukita.blogspot.com/2011/06/guru-agama-mengajar-lebih-tepat.html> -diakses pada [9 November 2023]

Habib Ahmad 2009. Kitab: Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain. <https://pondokhabib.wordpress.com/2009/03/12/kitab-matla%E2%80%99-al-badrain-wa-majma%E2%80%99-al-bahrain/> [10 November 2023]